BERITA HASiL
LHDN MALAYSIA
EDISI 01 2022
www.hasil.gov.my
PERCUMA



PERANCANGAN Cukai Agresif

Segala-Galanya Bermula Dengan Niat Melepaskan Diri

Taxing The Digital Economy

TAHNIAH HASiL : Public Service Innovation Awards 2022

LHDN
MALAYSIA

SEPINTAS e-BUKU HASiL

HASiL e-BOOK AT A GLANCE

2022



KINI DI APLIKASI

NOW IN MyTax APPLICATION

https://mytax.hasil. gov.my

Download on the App Store

GET IT ON Google Play

EXPLORE IT ON AppGallery

Building Sustainable Future TOGETHER

AMANAT CEO

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF HASiL

"Sebagai Keluarga HASiL, sewajarnya kita bergerak dalam satu pasukan. Meskipun berada di tempat atau bahagian masing-masing, kita harus mengambil tahu dan mampu menjalankan semua fungsi teras organisasi ini.

Saya amat yakin seluruh Keluarga HASiL akan memberikan yang terbaik dalam menghadapi cabaran tahun 2022 ini. Semangat jitu dan kesatuan kita dalam melaksanakan amanah yang diberikan akan menjadi azimat kita mencapai kecemerlangan dalam tahun ini khususnya dalam memenuhi sasaran kutipan yang telah ditetapkan."

Ucaptama Persidangan Pengarah-pengarah Bil. 1/2022 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 24 Januari 2022



DATUK MOHD NIZOM BIN SAIRI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF HASIL

KANDUNGAN



7 AMANAT CEO



Ikon

4 Encik Che Muhammad Sukri Bin Che Hussin: Pengarah JPC

Fokus Cukai

8 Perancangan Cukai Agresif: Segala-galanya Bermula Dengan Niat Melepaskan Diri

11 Apa Perlu Anda Tahu Tentang Cukai Keuntungan Harta Tanah?



Semasa

15 *Taxing The Digital Economy*

18 Malaysia Bijak Urus Dana, Rizab Tangani Cabaran COVID-19

Rangkuman

21 Majlis Sambutan Hari Hasil Ke-26

24 Simposium CCO 2022

26 Program Rakaman Takbir Raya LHDNM Di RTM

28 Quran Hour 1443H

30 Sesi Libat Urus HASiL Dan Agensi

TEAM BERITA HASIL

PENAUNG :
YBhg. Datuk Mohd. Nizom Sairi

PENASIHAT :
Hishamudin Mohamed

PENYELARAS :
Kasmawati Moin

SUSUNAN & PENYEDIAAN BAHAN :
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia,
Jabatan Khidmat Korporat

PEREKA GRAFIK :
Giga Wise Network Sdn. Bhd.

TERIMA KASIH :
YBrs. Encik Che Muhammad Sukri Che Hussin,
Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai

Bahagian Pengurusan Kualiti dan Inovasi,
Jabatan Khidmat Korporat

Persatuan Kebajikan Islam Hasil Dalam Negeri Malaysia (PERKIS)

EDARAN :
Pusat Sumber LHDNM

TARIKH KELUARAN :
Mei 2022

CETAKAN :
Gigawise Network Sdn Bhd
No. 74, Jalan Kapar 27/89,
HICOM Heavy Industrial Park
Seksyen 27, 40400 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004

Giga Wise Network Sdn Bhd www.gigaprint2u.com

Klinik Cukai

32 Tanggungjawab Pembayar Cukai Individu

Inspirasi

35 Lizzie Velásquez

HASiL Prihatin

37 Program *Back To School 2022*

39 Rangkuman Aktiviti CSR HASiL

Cetusan

42 *5 Inspiring Lessons in Leadership From Simon Sinek*

45 Bertuahnya Rakyat Malaysia

Istilah

46 Istilah Percukaian

ENCIK CHE MUHAMMAD SUKRI BIN CHE HUSSIN

PENGARAH JABATAN PEMATUHAN CUKAI

Oleh: **Aznida binti Azmi, Jabatan Pematuhan Cukai**



IKON yang ditampilkan dalam edisi kali ini dikenali sebagai seorang yang mudah mesra namun tegas dan jelas dalam setiap perkara yang dilakukan. Beliau yang dimaksudkan adalah **Encik Che Muhammad Sukri Bin Che Hussin, Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai.**

Ikuti sesi perkongsian yang merungkai pandangan dan harapan beliau terhadap jabatan yang diselia serta **HASiL** secara umumnya.

MOTIVASI

Cara Kekal Bermotivasi

Saya menganggap kerja adalah satu amanah dan ibadah serta akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Memotivasikan Pegawai Seliaan dan Asas Kepimpinan Yang Baik

Adalah penting bagi seseorang ketua untuk mempunyai nilai-nilai berikut dalam memainkan peranan sebagai penyelia :

i) Mengamalkan sikap terbuka
ii) Menjadikan pendengar yang baik serta pandai meraikan perbezaan pendapat
iii) Menganggap pegawai sebagai aset organisasi, dan
iv) Menjaga kebajikan pegawai di bawah seliaan

Selain itu, seorang ketua turut bertanggungjawab untuk menjadi seorang pemimpin yang amanah, memahami hala tuju dan visi organisasi serta mempunyai nilai integriti yang tinggi. Mereka juga perlulah sentiasa bersedia untuk berubah mengikut keperluan organisasi dan pemegang taruh berdasarkan perubahan semasa serta teknologi.

Apa yang penting, seseorang pemimpin itu memahami bahawa asas kepimpinan adalah melalui tauladan dan sentiasa berpegang kepada prinsip agama.

CABARAN

Cabaran dalam Tugasan dan Penyelesaian

Jika mengambil situasi semasa, cabaran besar yang dialami adalah untuk menangani era pandemik Covid-19 dan penjajaran semula aktiviti pematuhan akibat daripada perubahan tampuk kerajaan pada tahun 2018.

Oleh yang demikian, beberapa langkah diatur bagi mengatasinya iaitu menggunakan aplikasi teknologi yang dibangunkan dalam menghadapi norma baharu, dan memotivasikan pegawai di jabatan serta cawangan dalam melaksanakan tugas menggunakan kaedah dan persekitaran yang baharu. Dalam masa yang sama, beberapa perubahan terhadap proses kerja turut dilaksanakan melibatkan arahan dan pekeliling dalaman serta perubahan-perubahan lain mengikut keperluan semasa.

WAWASAN DAN HALA TUJU

Hala Tuju Jabatan Pematuhan Cukai

Terdapat pelaksanaan perancangan yang sedang berjalan dalam memperkasakan misi jabatan. Antaranya adalah mereka bentuk program pematuhan *"compliance by design"* ke arah pematuhan cukai secara sukarela seperti:

i) pelaksanaan program *Tax Corporate Governance Framework* (TCGF), iaitu sebahagian daripada inisiatif HASiL ke arah menerima pakai proses pematuhan cukai yang adil dan berkesan di Malaysia selaras dengan standard antarabangsa.
ii) kaedah pengauditan secara pemudah cara dan juga secara *soft approach.*
iii) Pembayar cukai yang mempunyai pendapatan penggajian sahaja tidak perlu mengemukakan Borang Nyata (BN) dan ia diselesaikan dengan PCB sebagai cukai muktamad.

Harapan Terhadap HASiL

Kadar pematuhan cukai secara sukarela dan HASiL dianggap sebagai rakan strategik (smart partnership) oleh pembayar cukai dan bukannya musuh. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kutipan HASiL. Ia juga akan menaikkan imej HASiL dalam kalangan masyarakat dan pemegang taruh.

Nilai Tambah Kepada Prestasi Semasa HASiL

HASiL sentiasa dan perlu membuat nilai tambah dalam setiap proses kerja supaya ianya mencapai aspirasi masyarakat dan pemegang taruh. Perubahan ini mestilah mengikut perkembangan semasa dan teknologi terkini.

KENANGAN, PENCAPAIAN DAN IMPIAN

Kenangan

Sepanjang perkhidmatan di HASiL, saya telah diberi peluang menjawat jawatan Pengarah Cawangan Siasatan, Pengarah Cawangan, Pengarah Negeri dan Pengarah Jabatan serta diberi peluang berkhidmat di Negeri Sabah selama 10 tahun.

Pencapaian Peribadi

Diberi amanah memegang Jawatan Pengarah Jabatan dengan gred jawatan L4.

Impian

Tiada satu pun impian tidak tercapai. Sebagai seorang islam kita mesti berpegang kepada qada dan qadar.

INSPIRASI BUAT HASiLIAN

Pekerjaan adalah satu ibadah dan amanah. Ingatlah setiap amanah yang diberikan ini akan dipertanggungjawabkan serta akan dipersoalkan di akhirat kelak. Oleh itu, semua HASiLian diharapkan dapat melaksanakan setiap amanah yang diberi secara jujur dan ikhlas serta mengharapkan ganjaran yang lebih besar iaitu pahala di akhirat kelak.

SANTAI SEMINIT

i) **Hobi pada masa lapang**

Membaca

ii) **Warna pilihan**

Merah

iii) **Jika bukan seorang pegawai LHDN, apakah cita-cita atau karier pilihan Encik Shukri?**

Guru

iv) **Pandangan tentang tanggungjawab**

Merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan di dunia dan akhirat, dan perlu dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas

v) **Pandangan tentang integriti**

Satu nilai yang baik berdasarkan syariat Islam dan ia perlu ada dalam setiap insan sama ada dalam keadaan keseorangan atau dalam khalayak ramai. Keteguhan dan kejayaan sesebuah organisasi terletak kepada tahap dan nilai integriti pegawai-pegawainya.

vi) **Pandangan terhadap media sosial**

HASiLian perlu sedar bahawa media sosial bukan sekadar hiburan semata-mata, bahkan hari ini ia sudah menjadi sebahagian budaya dan cara hidup zaman kini. Media sosial adalah medan untuk memberikan/ mendapatkan pendidikan dan pengajaran. Ia perlu dimanipulasi sepenuhnya untuk kepentingan HASiL, namun harus digunakan secara beretika dan beradab.

vii) **Pilihan Encik Shukri: tonton filem atau baca buku?**

Membaca

viii) **Pilihan Encik Shukri: golf atau tenis?**

Bola sepak dan peminat tegar pasukan Liverpool

ix) **Pilihan Encik Shukri: melancong atau memancing?**

Melancong

x) **Harapan terhadap generasi baharu**

Berfikiran terbuka dan sentiasa bersedia untuk berubah mengikut perubahan masa dan teknologi. Sentiasa berfikiran positif dan boleh meraikan pandangan dan perbezaan pendapat selagi ia tidak melanggar syariat Islam.




Tahniah

HASiL

PUBLIC SERVICE INNOVATION AWARDS 2022

Tahniah HASiL atas pengiktirafan Gold Medal Award dan Japan Intellectual Property Association (JIPA) Special Award dalam Public Service Innovation Awards 2022 bagi sistem e-Filing bersempena dengan Malaysia Technology Expo (MTE) 2022 yang telah diadakan pada 21 - 25 Mac 2022.

24 Mac 2022







Perubahan Persepsi Beransur : Usaha Yang Berterusan Untuk Menangani Masalah Perancangan Cukai Agresif Harus Dilakukan Melalui Pendidikan Cukai.

Foto : AZHAR MAHFOF/The Star.

PERANCANGAN CUKAI AGRESIF..
SEGALA-GALANYA BERMULA DENGAN NIAT MELEPASKAN DIRI

Oleh: **Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai, Pensyarah Universiti Tun Abdul Razak (Unitar)**

Sebut sahaja mengenai perancangan cukai pasti ramai berpersepsi ia menyerupai beberapa aspek perancangan lain seperti di sektor korporat, kewangan, keluarga mahupun ekonomi. Bagaimanapun, pengertian perancangan cukai ini amat berbeza dengan perancangan yang lain kerana ia mudah disalahgunakan.

Menurut Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai, Pensyarah Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), amalan perancangan cukai ini boleh mengakibatkan kerugian besar terhadap hasil kutipan cukai kepada kerajaan.

Perancangan cukai agresif disebut sebagai 'pelarian dengan sengaja' dalam Seksyen 114 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Ia ditakrifkan sebagai tindakan sengaja dengan niat melarikan atau membantu mana-mana individu melarikan cukai dengan tidak melaporkan pendapatan sepatutnya; membuat kenyataan palsu atau catatan palsu dalam sesuatu penyata; memberi jawapan palsu; menyediakan atau menyimpan buku akaun atau rekod lain yang palsu; memalsukan buku akaun atau rekod lain; menggunakan atau membenarkan penggunaan sebarang penipuan, muslihat atau helah.

Dr Barjoyai menjelaskan, pelarian cukai berlaku apabila pembayar cukai melarikan diri daripada pihak berkuasa cukai untuk membayar cukai, dengan menyembunyikan transaksi kewangan mereka yang sebenar kepada pihak berkuasa cukai, tidak melaporkan pendapatan, tidak merekodkan transaksi tunai atau menggunakan kaedah lain tanpa resit, menyembunyikan wang, saham, atau aset lain dalam akaun bank luar pesisir, memalsukan perbelanjaan peribadi sebagai

perbelanjaan perniagaan yang boleh ditolak cukai atau menggunakan harta syarikat untuk kegunaan peribadi tanpa alasan perniagaan yang sah.

Pengelakan Cukai Yang Sah

Walaupun ada peruntukan pengelakan cukai yang sah tetapi ia membuka kepada sebarang kemungkinan perancangan dalam bentuk skim pengelakan cukai seperti dalam kes Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM) melawan Rakyat Berjaya Sdn Bhd pada tahun 1999 di mana Hakim Mahkamah Persekutuan menjelaskan: “Setiap orang berusaha sebaik mungkin untuk membayar cukai sekecil yang mungkin berasaskan undang-undang. Semua jenis skim yang difikirkan”.

“Tiada individu komersial dengan logik akalnya akan melakukan transaksi komersial tanpa membayar cukai walaupun paling sedikit. Tidak menjadi kesalahan bagi syarikat untuk mengatur urusan mereka sehingga dapat meminimumkan cukai. Oleh itu, pengelakan cukai dianggap sebagai kaedah undang-undang untuk meminimumkan jumlah cukai pendapatan yang harus dibayar oleh individu atau sektor perniagaan,” kata Dr Barjoyai.



Memerangi perancangan cukai agresif: Pihak berkuasa cukai memulakan program audit secara agresif, penyiasatan dan pengauditan forensik.

Namun beliau menegaskan, pengelakan cukai adalah satu istilah yang boleh disalah guna dengan mudah melalui aktiviti pengelakan melampau yang disebut sebagai perancangan cukai agresif.

Ia ditakrifkan sebagai aktiviti secara aktif melampaui batasan dari segi undang-undang, memperluas istilah definisi dalam perundangan untuk mengakses lompang peraturan cukai, atau mengatur sehingga ia menjadi sesuatu yang lain atau merangka urusan kewangan sehingga dapat meminimumkan cukai.

Beliau menambah, “Ini biasanya dilakukan dalam tiga kaedah asas iaitu mengurangkan pendapatan bercukai, meningkatkan potongan dan memanfaatkan kredit cukai.”

Anti Pengelakan Cukai

Berdasarkan kes-kes pengauditan yang dijalankan oleh LHDN terdapat pelbagai aktiviti yang boleh didefinisikan sebagai pengelakan cukai. Oleh itu, kerajaan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan menambahkan seksyen 140 - ‘anti pengelakan cukai’ yang memberi ‘kuasa untuk mengabaikan transaksi tertentu’ terpakai di mana Ketua Pengarah mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa sebarang urus niaga yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung untuk mengubah cukai yang perlu dibayar oleh mana-mana individu; membebaskan mana-mana individu dari sebarang liabiliti; menghindari atau mengelak daripada sebarang kewajipan atau liabiliti yang dikenakan; atau menghalang pengoperasian Akta ini dalam apa juga aspek.

Dr Barjoyai menjelaskan bahawa kes terkemuka Berjaya Sabah (1999), menguasai seksyen tersebut ketika Pesuruhjaya Khas menggunakan ujian ‘Substance over the Form’ (Ramsay Doctrine) untuk menilai keseluruhan transaksi, di mana syarikat induk dan anak syarikat dianggap sebagai satu entiti yang sama.

Walaupun begitu, Hakim Mahkamah Rayuan menggunakan Westminster doctrine-of form over

substance (dengan menilai setiap entiti sebagai 'individu' berbeza tanpa mengambil kira hubungan yang wujud di antara mereka) dan membuat kesimpulan bahawa syarikat itu sebenarnya menanggung perbelanjaan dan kerugian dengan memberikan sumbangan kepada syarikat induk dan bukannya membayar dividen.

"Ini dilihat sebagai 'skim mitigasi' dan bukannya 'skim pengelakan cukai'," katanya.

Hakim tersebut memutuskan bahawa seksyen 140 hanya merangkumi skim pengelakan dan pelarian cukai sahaja manakala mitigasi cukai tidak termaktub dalam peruntukan seksyen tersebut.

Jelas beliau lagi, "Mahkamah secara khusus mengetengahkan istilah mitigasi cukai di mana faedah cukai hanya diperoleh apabila pembayar cukai dapat mengurangi liabiliti cukai setelah perbelanjaan dilakukan dan wujudnya kerugian tertentu."

'Manakala pengelakan cukai, manfaat yang diperoleh apabila pembayar cukai mengurangkan tanggungan cukai tanpa melibatkan perbelanjaan atau kerugian. Ini boleh digunakan sebagai garis panduan untuk menghadkan perancangan cukai agresif pada masa akan datang"

Justeru, dilema tetap ada: Bagaimana kita dapat memberi gambaran tepat apa sebenarnya perancangan cukai agresif?



Aspek pembangunan bangsa: Dr Barjoyai menegaskan pendidikan percukaian penting bagi memupuk kesedaran masyarakat untuk melihat cukai sebagai sumbangan ke arah pembangunan dan masa depan negara.

Menurut Dr Barjoyai, perancangan cukai agresif adalah amalan untuk meningkatkan atau mempercepat pelepasan cukai dengan mengeksploitasi kelemahan undang- undang.

Ubah Persepsi

Apa yang jelas status quo tidak dapat diteruskan, terutamanya ramalan daripada Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) bahawa akan ada perancangan cukai agresif yang lebih meluas dalam masa terdekat yang melibatkan Penghakisan Asas Cukai dan Pemindahan Keuntungan (BEPS), earnings stripping rules (peraturan pelucutan perolehan), percukaian untuk e-Dagang, mata wang kripto, gangguan teknologi dan digital lain yang membentuk semula model perniagaan dan seterusnya lanskap percukaian.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LHDN dalam persidangan percukaian kebangsaan menegaskan bahawa pihak berkuasa cukai itu sedang meneliti perkara tersebut.

"Kami menangani isu perancangan cukai agresif dengan memulakan program audit agresif, penyiasatan dan pengauditan forensik."

"Juga bekerjasama dengan badan-badan antarabangsa terkemuka yang lain seperti OECD dalam mencari kaedah terbaik atau yang bersesuaian untuk menangani isu berkaitan ekonomi digital, ekonomi perkongsian, mata wang kripto, teknologi yang digunakan untuk menyerahkan barang dan perkhidmatan di pelbagai platform, dan serta penyimpanan dokumen perniagaan menggunakan teknologi cloud," katanya.

Tegas beliau lagi, mengeluarkan prosedur cukai khusus bagi menangani masalah yang timbul daripada perancangan cukai agresif juga boleh mewujudkan beberapa peraturan jelas mengenai had aktiviti perancangan cukai.

Malah beliau turut memberitahu lebih banyak melestarikan usaha untuk menangani masalah perancangan cukai agresif harus dilakukan. Antaranya kata beliau, menerusi pendidikan percukaian bagi memupuk budaya menganggap cukai bukan sebagai perbelanjaan tetapi sumbangan demi pembangunan negara bagi memastikan perkembangan dan kelangsungan hidup pembayar cukai pada masa depan.

"Membayar cukai sepatutnya dilihat sebagai kaedah dalam mewujudkan dan mengekalkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk beroperasi dan menjana keuntungan pada masa depan."

Artikel ini telah diterbitkan dalam MStar pada 27 Jun 2021

APA PERLU ANDA TAHU TENTANG CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH?

Oleh: **Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat**

Kini, ramai mempunyai kesedaran untuk memiliki harta tanah di usia muda. Walau bagaimanapun, masih ramai juga yang kurang arif berkenaan melaporkan keuntungan pelupusan harta tanah mereka. Kebiasaannya, penyediaan dokumen pelupusan harta tanah diuruskan peguam atau ejen cukai tetapi kita juga perlu mempunyai pengetahuan asas mengenainya.

CKHT merupakan singkatan daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah di mana cukai dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah (rumah pangsa, rumah, kondominium, pangsapuri, ladang, tanah kosong dan lain-lain). Mulai 21 Oktober 1988, cukai ini diperluaskan ke atas keuntungan daripada pelupusan syer dalam Syarikat Harta Tanah. CKHT diperkenalkan pada tahun 1976 di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Walau bagaimanapun, mulai April 2007 sehingga Disember 2009, cukai ini dikecualikan untuk sementara menerusi Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) 2007 [P.U. (A) 146/2007]. Perintah pengecualian tersebut dibatalkan mulai 1 Januari 2010 melalui Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) 2009 [P.U. (A) 376/2009].

Bagaimana Duti Setem Dikaitkan Dengan Pengenaan CKHT?

Mengikut Akta CKHT 1976, CKHT ialah Cukai Keuntungan Modal dikenakan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi setiap keuntungan diperoleh menerusi jualan harta tanah atau syer dalam Syarikat Harta Tanah apabila harga jual semula lebih tinggi daripada harga belian. CKHT tidak dikenakan sekiranya harga jualan semula harta tanah adalah sama atau lebih rendah daripada harga asal. Ia hanya dikenakan apabila terdapat keuntungan daripada pelupusan harta tanah.

Pengenaan cukai bagi pindahan milik harta bukan sahaja melibatkan pelupus malah turut melibatkan pemeroleh dimana mereka tertakluk kepada CKHT bagi pelupus dan duti setem bagi pemeroleh. Walau bagaimanapun, keuntungan daripada pelupusan harta tanah atau saham syarikat harta tanah juga boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 sekiranya keuntungan itu terbit daripada transaksi bercorak perdagangan.

Kadar CKHT

Kadar CKHT ditentukan berdasarkan kategori pelupus sama ada:

- **Syarikat diperbadankan di Malaysia atau pemegang amanah bagi suatu amanah atau pertubuhan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966;**
- **Individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap atau harta pusaka si mati bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap atau syarikat tidak diperbadankan di Malaysia; atau**
- **Selain daripada di atas. Contohnya individu warganegara dan pemastautin tetap atau harta pusaka si mati warganegara atau pemastautin tetap**

Kadar CKHT dikenakan bergantung kepada tempoh pegangan aset tersebut iaitu dari tarikh aset mula dimiliki oleh pelupus sehingga tarikh ia dilupuskan. Kadar CKHT lebih rendah bagi aset yang dipegang lebih lama di tangan pelupus.

Tanggungjawab Pelupus Dan Pemeroleh

Transaksi pelupusan harta tanah melibatkan dua pihak iaitu pelupus dan pemeroleh dimana kedua-duanya mempunyai tanggungjawab masingmasing iaitu dengan mengemukakan Borang Nyata CKHT yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi LHDNM atau memperolehnya dari cawangan LHDNM berdekatan. Setiap pelupus dan pemeroleh hendaklah mengemukakan Borang Nyata CKHT yang diisi dengan lengkap, jelas dan ditandatangan. Pastikan juga mempunyai nombor rujukan cukai pendapatan. Pendaftaran nombor rujukan cukai pendapatan boleh dibuat menerusi aplikasi e-Daftar di ***https://mytax.hasil.gov.my/*** atau di semua Cawangan LHDNM. Borang tersebut perlu dihantar dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan dimana tarikh pelupusan merujuk kepada tarikh perjanjian jual beli harta tanah. Borang tersebut perlu diisi secara berasingan mengikut bilangan pelupus/ pemeroleh. Pastikan dokumen sokongan pelupusan, pemerolehan dan tuntutan perbelanjaan untuk pembuktian disimpan sekiranya diminta oleh LHDNM.

Insentif Cukai Pelupusan Harta Tanah Dalam Situasi Pandemik

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pakej rangsangan ekonomi bagi meringankan beban ditanggung rakyat susulan pandemik Covid19. Menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) diumumkan oleh Perdana Menteri pada 5 Jun 2020, pengecualian CKHT diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman dibuat dalam tempoh 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021. Perjanjian hendaklah disetemkan dengan sewajarnya tidak lewat daripada 31 Januari 2022. Pengecualian ini dihadkan bagi pelupusan tiga unit rumah kediaman untuk setiap individu berbanding pengecualian sedia ada di bawah Seksyen 8 Akta CKHT yang terhad kepada satu unit sebelum ini.

Pengecualian CKHT diberi kepada individu sahaja bagi kediaman persendirian seperti bangunan atau sebahagian daripada bangunan di Malaysia dimiliki oleh seseorang individu dan diduduki atau disahkan layak untuk diduduki sebagai tempat kediaman dengan syarat pemohon mestilah individu warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia. Selain untuk merancakkan semula pasaran hartanah, pengecualian CKHT ini pastinya satu kelegaan buat rakyat Malaysia yang terkesan dengan pandemik Covid-19 sehingga terpaksa menjual rumah kediamannya bagi melancarkan aliran tunai.

Sekiranya masih terdapat sebarang pertanyaan dan penjelasan lebih lanjut berkaitan CKHT dan Duti Setem, adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan pegawai di mana-mana Cawangan LHDNM berdekatan dengan membuat temujanji terlebih dahulu secara dalam talian di ***https://janjitemu.hasil.gov.my***.



eDAFTAR

https://mytax.hasil.gov.my



- **SG & OG** : Nombor Cukai Pendapatan anda akan diterima sera merta bagi pendaftaran menggunakan nombor kad pengenalan baru.
- Nombor Cukai Pendapatan anda akan diperoleh dalam tempoh **3 HARI BEKERJA** selepas permohonan dibuat secara atas talian.
- Semak status permohonan anda menggunakan **NOMBOR PERMOHONAN** yang diberikan.

SG	PENDAFTARAN **INDIVIDU** (PENGGAJIAN)
OG	PENDAFTARAN **INDIVIDU** (PERNIAGAAN)
C	PENDAFTARAN **SYARIKAT**
E	PENDAFTARAN **MAJIKAN**
D	PENDAFTARAN **PERKONGSIAN**
PT	PENDAFTARAN **PERKONGSIAN** LIABILITI TERHAD
LAIN-LAIN	PENDAFTARAN SECARA **MANUAL**

www.hasil.gov.my | facebook.com/LHDNM | @LHDNMofficial | 03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT



TAXING THE DIGITAL ECONOMY

Sumber: **https://www.pinsentmasons.com/out-law/guides/taxing-the-digital-economy**

The international tax rules are being reformed to cope with the increasing digitalisation of business.

Over 130 countries have reached agreement in principle on the changes but new rules will not be in force until 2023 at the earliest. Some countries, including the UK, France and Spain, have taken unilateral action and introduced their own digital services taxes, which should fall away when the new international rules come into force.

Some countries want an increased share of tax on the profits of multinational businesses generated from users based in their countries. The Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) has been considering global solutions to the problem.

Current international tax rules allow countries to tax profits of non-resident companies which are attributable to a permanent establishment in that country. Transfer pricing rules seek to ensure that a multinational group's profits are divided between the group companies in accordance with each company's contribution to the profits generated.

The concept of permanent establishment currently requires some form of fixed base in a country. The rules, which date from the 1920s, were not designed to cater for the digital economy where businesses may be global have little or no physical presence in the countries where their customers are based.

For example, technology companies with digital platforms such as search engines and social media platforms can make substantial profits through the sale of advertising. Adverts may be targeted at users of the platform in a particular country, yet the technology company may have no substantial physical presence there.

In recent years considerable media attention has focused on the fact that US owned technology companies have made large profits from interactions with individuals resident in the UK and other European countries but have paid low levels of tax in those countries, or indeed anywhere. The European Commission has tried to use the EU state aid rules to attack some of these structures. The US opposes action which significantly impacts on US companies and has ruled that a number of digital taxes unfairly target US companies.

However, the issue is wider than just technology companies. Some think that the international tax system needs to be radically reformed to deal with the increasing digitisation of all types of business. There are also concerns that some countries are engaging in a 'race to the bottom' by setting very low rates of corporation tax to encourage multinationals to set up operations there.



OECD

The OECD has been considering how the international tax system could be reformed. It had hoped to come up with an agreed approach to taxing the digital economy by the end of 2020, but it was not possible to achieve international agreement in that timescale.

In October 2021 136 jurisdictions agreed in principle to a two 'pillar' solution.

Pillar one aims to ensure a perceived fairer distribution of profits and taxing rights among countries with respect to the largest multinationals. Multinational enterprises with global turnover above € 20 billion will be subject to tax on a proportion of their profits in the countries where they operate. The €20bn turnover figure will potentially fall to € 10bn after seven years. Extractive industries and regulated financial services are excluded.

Countries which will benefit from the new taxing right will be those in which the multinational derives at least € 1 million in revenue. For smaller jurisdictions with GDP lower than € 40bn, the threshold will be set at €250,000. 25% of the profit in excess of 10% of revenue will be allocated to 'market jurisdictions', which will be the countries where goods or services are used or consumed.



Where the residual profits of a multinational are already taxed in a market jurisdiction, a marketing and distribution profits 'safe harbour' will cap the residual profits allocated to the market jurisdiction.

The OECD estimates that under pillar one, taxing rights on more than US$125bn of profit are expected to be reallocated to market jurisdictions each year.

Pillar one will be implemented by a multilateral convention which the OECD hopes will be open for signature in 2022 and come into force in 2023.

Pillar one also introduces a 'standstill' on the introduction of new digital services taxes (DSTs), with no new taxes being imposed from 8 October 2021 until the earlier of 31 December 2023 or the coming into force of the multilateral convention implementing the deal. Signatories to the convention will agree to remove existing DSTs and not to introduce such measures in the future.



Pillar two is the 'global anti-base erosion' (GloBE) proposal, which seeks to address the continued risk of profit shifting to entities subject to low or zero taxation by ensuring that multinationals pay a minimum level of tax of 15%, regardless of where they are headquartered or the jurisdictions in which they operate.

The new minimum tax rate will apply to companies with revenue above € 750m and is estimated by the OECD to generate around US$150bn in additional global tax revenues annually.

Under GloBE, countries would remain free to decide whether to have a corporate income tax and to set their own tax rate below the minimum rate, but other jurisdictions would be able to apply new rules where income is taxed at an effective rate below a minimum rate.

GloBE involves two inter-related rules: an income inclusion rule that would tax the parent entity on the income of a foreign branch or controlled entity if that income was subject to tax at an effective rate below the minimum rate; and an under taxed payment rule that would deny a deduction or impose a withholding tax if the income was not caught by the income inclusion rule. There will be a temporary exclusion from the under taxed payment rule for multinationals in the initial stages of their international activity – defined as multinationals with no more than €50m of tangible assets abroad and that operate in no more than five countries.

For developing countries, a subject to tax rule will apply to royalties, interest, and certain other payments made from a developing country to a country that applies a nominal corporate tax rate

lower than 9%. The additional tax payable would be limited to the difference between the 9% rate and the tax rate that would otherwise apply to the payment.


There will be a de minimis exclusion for those jurisdictions where the multinational has revenues of less than €10 million and profits of less than € 1m. The GloBE rules will also provide for a carve-out to exclude an amount of income that is initially 8% of the carrying value of tangible assets and 10% of payroll, although this will decline annually over the first 10 years.

GloBE would not be limited to highly digitalised businesses. It is designed to stop the 'race to the bottom' in relation to tax rates and to ensure that all internationally operating businesses pay a minimum level of tax.

Countries will not be forced to operate the GloBE rules, but where they choose to do so they must do so in accordance with what has been agreed. Countries which do not choose to adopt the rules must accept the application of the rules by other countries.

The OECD aims that pillar two will be brought into law in 2022, to be effective in 2023, with the under taxed payments rule coming into effect in 2024.

The US government had previously expressed opposition to aspects of pillar one, which will have the effect of shifting some of the tax revenues of some of the biggest technology companies which are headquartered in the US, to market jurisdictions, particularly in Europe. It has now agreed to the proposals as part of a two pillar approach in conjunction with the minimum tax rate. However, the proposals will have to be approved by the US Congress, where opposition is expected.



OTHER DIGITAL TAXES

The UK has introduced a digital services tax (DST). It began to apply from April 2020. DST is a 2% tax on the revenues of search engines, social media platforms and online marketplaces to the extent that their revenues are linked to the participation of UK users, regardless of where the corporate owner of those revenues is located and irrespective of the physical presence that the corporate has in the UK. It is not a tax on online sales of goods and only applies to revenues earned from intermediating such sales, not from making the online sale. It also only catches the revenues from online advertising or the collection of data where the business is providing a search engine, social media platform or online marketplace.

To be caught by DST, businesses need to generate revenues from in-scope business models of at least £500m globally. The first £25m of relevant UK revenues are not taxable. This is designed to exclude small businesses from the scope of the tax, but rapidly growing businesses will fall within the DST as soon as they pass the £500m threshold.

France has introduced a digital services tax backdated to 1 January 2019. It imposes a 3% tax on revenues deemed to have been generated in France from platforms enabling users to interact with each other and on digital advertising revenue.

Spain introduced a digital services tax from January 2021. It imposes a 3% tax on revenues from Spanish users in respect of online advertising services, online intermediation services and online data transmission.

Italy has introduced a 3% tax on revenues from digital advertising, digital platforms enabling users to interact and the transmission of data collected from users and generated by the use of a digital interface. It began to apply from 1 January 2020.

Austria imposes a 5% tax on gross revenues from digital advertising services provided in Austria.

India has introduced an equalisation levy whereby a percentage of any payment made to a non-resident in respect of online advertising is withheld by the Indian taxpayer.

In January 2021, the European Commission asked for views on an EU-wide digital levy, which would cover digital services, including social media, online market places, and other online platforms that operate in the EU. The EU put its proposals on hold to focus on the OECD proposal.

MALAYSIA BIJAK URUS DANA, RIZAB TANGANI CABARAN COVID-19

Oleh: **Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi dan Politik, Universiti Utara Malaysia**

Impak kepada rakyat termiskin di negara ini menjadi antara kesan utama apabila sekatan pergerakan penuh dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Golongan B40 dijangka semakin meningkat dan golongan miskin akan menjadi semakin parah serta terhimpit kerana kebanyakannya masih lagi terkesan teruk akibat pelaksanaan PKP 1.0 pada Mac tahun lalu.

Sehubungan itu, pakej rangsangan ekonomi terkini, iaitu Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) tepat pada masanya bagi mengurangkan kesan negatif kepada golongan termiskin ini untuk mengelakkan kehilangan nyawa dan kesengsaraan hidup berlanjutan akibat pelaksanaan PKP terbaru ini, apatah lagi jika dilanjutkan beberapa bulan lagi.

Persoalan pokok di sini adalah adakah kerajaan mempunyai dana cukup untuk memperkenalkan beberapa lagi pakej bantuan ekonomi khas untuk golongan rakyat begitu terkesan pada masa hadapan?

Adakah ini akan menyebabkan kerajaan jatuh bankrap dan tidak dapat lagi berfungsi pada masa hadapan?

Setakat ini, tujuh pakej rangsangan ekonomi dilancarkan berjumlah RM380 bilion atau kira-kira 24 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Daripada jumlah ini, sebanyak lebih RM73 bilion adalah suntikan langsung fiskal kerajaan. Kerajaan juga melancarkan Belanjawan 2021 dengan peruntukan sebanyak RM 322.5 bilion, iaitu jumlah terbesar dalam sejarah Malaysia.

Kos lepas sehari apabila PKP 1.0 dilaksanakan pula adalah dianggarkan sebanyak RM2.4 bilion. Setakat suku pertama 2021, jumlah hutang negara berada pada tahap RM917.5 bilion atau secara nisbahnya kepada KDNK negara adalah pada tahap 58.5 peratus.



Tahap siling nisbah hutang negara kepada KDNK sudah dinaikkan pada Ogos tahun lalu daripada 55 peratus kepada 60 peratus. Tahap fiskal defisit negara ketika ini adalah pada sekitar enam peratus.

Pada suku pertama tahun ini pula, ekonomi Malaysia sudah menampakkan tanda pemulihan dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak enam peratus direkodkan pada Mac.

Pada April lalu, kerajaan menggunakan RM5 bilion daripada sejumlah RM19.5 bilion daripada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) bagi tujuan mempercepatkan perolehan vaksin.

Apakah makna semua data ini? Data ini jelas menunjukkan kerajaan begitu bertanggungjawab dalam membelanjakan dana, rizab dan hasil kerajaan dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19 ini.

Kerajaan sedar cabaran wabak ini adalah seperti larian maraton, bukan sprinter. Bayangkan jika pada tahun lalu, kerajaan membelanjakan sepenuhnya segala dana dan wang yang ada, ketika ini kita mungkin sudah tidak ada lagi ruang untuk berbelanja dan menyelamatkan ekonomi negara serta ekonomi rakyat.

Akibatnya, sistem kesihatan mungkin akan lumpuh dan ekonomi mungkin tidak akan dapat bangkit kembali.

Tahun lalu, apabila kita melaksanakan PKP 1.0, ekonomi negara terjejas teruk apabila ekonomi menguncup pada kadar 28.8 peratus pada suku kedua dan 5.6 peratus untuk keseluruhan tahun itu serta kadar pengangguran meningkat hingga 5.3 peratus pada Mei tahun lalu, kita tidak bersendirian.

Seluruh dunia juga mengalami keadaan ekonomi lebih kurang sama teruk kerana berhadapan cabaran yang mereka juga tidak pernah alami sebelum ini. Namun, ketika ini, kita sudah melihat ekonomi global semakin memulih dengan jangkaan pertumbuhan enam peratus tahun ini.

Begitu juga harga minyak dunia semakin memulih, sentimen dan keyakinan pelaburan serta perniagaan asing semakin meningkat, manakala kebanyakan negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Singapura, Korea Selatan dan beberapa negara sedang membangun seperti China sudah mencatatkan pertumbuhan positif pada suku pertama tahun ini.

Jadi, usaha berterusan untuk menyelamatkan rakyat dan peniaga begitu terjejas akibat pelaksanaan PKP terkini, iaitu golongan termiskin, rentan, B40 dan M40 serta peniaga dalam industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perniagaan mikro serta sekitar 2.8 juta rakyat terbabit dalam sektor tidak formal, perlu dilakukan.

Kerajaan sebenarnya boleh meminjam untuk menampung keperluan ini. Pertama, kita tidak perlu risau sangat peningkatan dalam kadar hutang dan fiskal kerajaan pada keadaan genting seperti sekarang.

Kerajaan boleh menaikkan had siling hutang, misalnya daripada 60 peratus kepada 75 peratus. Mengikut pengiraan kasar, bagi setiap satu peratus nisbah hutang kepada KDNK, nilainya adalah sebanyak RM15 bilion.

Jadi, jika kerajaan menambah nisbah hutang kerajaan kepada KDNK sebanyak tujuh peratus misalnya, dana fiskal tambahan sebanyak RM105 bilion boleh diperoleh.

Memang betul, ini akan meningkatkan lagi nisbah hutang negara kepada KDNK menjadi sekitar 67 peratus. Ini sebenarnya tidaklah seteruk mana. Negara maju lain ketika ini sudahpun meminjam hingga melebihi 100 peratus dengan tujuan untuk menyelamatkan rakyat mereka.

Lagipun, Malaysia pernah mencatat nilai nisbah hutang melebihi 100 peratus juga, iaitu pada 1986 dan 1987, dengan nisbah hutang kepada KDNK negara masing-masing pada kadar 103.4 peratus serta 101.7 peratus.

Negara kita tidak pun bankrap ketika itu, sebaliknya berjaya mengurangkan nisbah hutang berkenaan hingga pada kadar serendah 48.7 peratus pada suku pertama 2018.

Memandangkan kebanyakan bank utama di negara ini juga mencatat keuntungan, mungkin pinjaman moratorium secara menyeluruh boleh dipertimbangkan pada masa akan datang kerana golongan M40 juga terkesan teruk akibat pelaksanaan PKP penuh kali ini.

Pada masa hadapan, pelaksanaan dasar konsolidasi fiskal boleh dilancarkan untuk mengawal kembali tahap defisit dan hutang negara melalui pelbagai cara, seperti mereformasi sistem cukai sedia ada dan strategi struktural untuk meningkatkan pertumbuhan serta pelaburan negara.

Namun ketika ini, keutamaan perlu diberikan kepada ekonomi rakyat dan kelangsungan hidup rakyat.

Sumber : https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/06/823423/malaysia-bijak-urus-dana-rizab-tangani-cabaran-covid-19



Tahniah

PASUKAN HASiL

KARNIVAL TAHUNAN PUSPANITA KEBANGSAAN 2022

Futsal Wanita MOF-HASiL
Juara Piala KSN

Futsal Lelaki MOF-HASiL
Naib Juara Piala KSN

Pemain Terbaik Futsal Lelaki
Encik Ali Imran bin Hasan, Cawangan Duta (Perniagaan)

Program telah berlangsung di Uptown Sports Bandar Baru Bangi pada 26 Mac 2022





MAJLIS SAMBUTAN HARI HASiL KE-26

Sumber: **Bahagian Pengurusan Kualiti dan Inovasi, Jabatan Khidmat Korporat**

Sempena Sambutan Hari HASiL yang ke-26, HASiL juga telah melancarkan imej korporat baharu melalui pengenalan rekaan pakaian korporat bagi meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pembayar cukai.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari HASiL ke-26 pada 1 Mac 2022 secara hibrid di Dewan Bangsawan, Menara Hasil Cyberjaya dan turut disiarkan secara langsung menerusi platform Youtube untuk disaksikan oleh Keluarga Hasil di seluruh negara. Majlis telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz yang mewakili Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan II, YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa serta Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi.

Pada Majlis Sambutan Hari Hasil ke-26 ini, sebanyak empat inisiatif baharu dan transformasi sistem telah dilancarkan dalam usaha HASiL menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan meningkatkan kecekapan pengurusannya. Empat inisiatif dan transformasi sistem tersebut ialah:

1. **Portal Rasmi HASiL** ditambahbaik berdasarkan amalan baik di peringkat antarabangsa dilengkapi dengan ciri-ciri tambahan termasuklah sokongan navigasi dan carian 'search engine', pautan topik popular berdasarkan kekerapan akses maklumat dan kemudahan *World Wide Web Consortium (W3C) Disability Accessibility.*
2. **DuitNow** diperkenalkan sebagai salah satu kaedah bayaran balik cukai oleh HASiL. Melalui kaedah ini, pembayar cukai yang mempunyai cukai terlebih bayar boleh membuat pilihan untuk menerima bayaran balik tanpa perlu memaklumkan nombor akaun bank mereka kepada HASiL. Sebagai permulaan, pilihan kaedah DuitNow ini adalah terhad kepada pembayar cukai individu.
3. **HASiLearn** merupakan sistem e-Pembelajaran yang akan digunakan oleh pegawai HASiL dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran percukaian mereka. Sistem ini dilengkapi dengan sokongan rangka kerja terkini yang dibangunkan secara dalaman dan menyediakan beberapa modul serta mempunyai fungsi luaran.
4. **Tax Corporate Governance Framework (TCGF)** diperkenalkan sebagai asas kepada HASiL dan pembayar cukai untuk membangun dan mengekalkan hubungan kerja yang lebih terbuka dalam memastikan proses pematuhan percukaian adalah adil dan efektif.

Kemuncak pengiktirafan majlis sambutan ini adalah Anugerah Pembayar Cukai Terbaik bagi tahun 2021 yang mengiktiraf 10 pembayar cukai dari kategori syarikat korporat yang mempamerkan tahap pematuhan yang tinggi. Penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

i. HONG LEONG BANK BERHAD

ii. MBSB BANK BERHAD

iii. LONPAC INSURANCE BHD

vi. MUFG BANK (MALAYSIA) BERHAD

v. YTY INDUSTRY SDN BHD

iv. MMC GAMUDA KVMRT (PDP SSP) SDN. BHD

vii. NESTLE PRODUCTS SDN BHD

xi. PERODUA SALES SDN BHD

x. MAXWELL GLOVE MANUFACTURING BERHAD

iv. SHIMANO COMPONENTS (MALAYSIA) SDN BHD

HASiL juga turut memberi penghargaan kepada lima orang pegawai melalui Anugerah Most Outsanding Hasilian. Penerima Anugerah Most Outstanding Hasilian Tahun 2021 adalah seperti berikut:

Puan Norhayati binti Mat Kassim
Pengarah Bahagian Operasi Dasar, Jabatan Operasi Cukai

Encik Nasruddin bin Mat Nasir
Pengarah Cawangan Cheras

Puan Haslinda binti Tawyer
Eksekutif Hasil Kanan I, Jabatan Teknologi Maklumat

Encik Mohammad Mazlan bin Arifin
Eksekutif Hasil Kanan II, Cawangan Siasatan Kuching

Puan Salfaliza binti Mat Saad
Eksekutif Hasil Kanan I, Akademi Percukaian Malaysia

HASiL turut menganjurkan beberapa aktiviti menarik antaranya adalah Online Management Talk, Program Khidmat Komuniti Hasil, Ceramah Perdana, Program Bacaan Yasin Tahlil dan Doa Selamat, Explorace HASiL 2022, Pertandingan Menulis Esei "Peranan Keluarga Hasil Dalam Pembangunan Negara" dan Virtual Tax-Edu Challenge 2022 yang melibatkan penyertaan pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi.









SIMPOSIUM CUSTOMER CARE OFFICER 2022

Oleh: **Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat**

Khidmat pelanggan yang berkesan merupakan satu elemen penting yang perlu diterapkan dalam kalangan pegawai barisan hadapan bagi memastikan ekspektasi pelanggan dapat dicapai. Customer Care Officer (CCO) HASiL yang dilantik perlu melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin memandangkan mereka merupakan duta kecil cawangan masing-masing, terutamanya semasa berhadapan dengan perkara luar jangka melibatkan ketidakpuasan hati dan aduan daripada pelanggan dalam perkhidmatan yang diberikan.

Jabatan Khidmat Korporat sebagai jabatan bertanggungjawab dalam pemantauan dan pemerkasaan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai telah menganjurkan Simposium Customer Care Officer 2022 pada 14 sehingga 18 Mac 2022 di Kuala Terengganu, Terengganu melibatkan 80 orang CCO daripada seluruh negara. Simposium ini diadakan bagi memberi peluang kepada peserta untuk beramah mesra dan mendengar sendiri amanat pengurusan atasan dalam memastikan misi dan visi LHDNM dapat dicapai dalam menjadikan organisasi sebagai pentadbir cukai terunggul selain membangunkan satu pasukan yang berkesan terutamanya dalam kumpulan yang pelbagai bersesuaian dengan tema LHDNM Tahun 2022 *"Building Sustainable Future Together"*.

Simposium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Sotimin Muhalip, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) dengan kehadiran Encik Hishamudin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat merangkap Penasihat Simposium CCO 2022 dan Encik Nor 'Azam Sulaiman yang mewakili Encik Kamarudzaman Bahrain, Pengarah Negeri Terengganu/Kelantan.

Antara pengisian simposium tersebut adalah :

i) Meet & Greet CCO 2022

ii) #SembangSantai bersama Encik Hishamudin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat

iii) Powerful Customer Care Officer oleh CuteCarry Sdn Bhd

iv) Tak Kenal Maka Tak Cinta: Perkongsian dan pengenalan fungsi bahagian-bahagian dalam Jabatan Khidmat Korporat

Adalah diharapkan agar penganjuran simposium ini dapat membantu CCO HASiL mengenal pasti segala halangan dan jalan penyelesaian serta pelan tindakan yang berkesan dalam pelaksanaan tugasan harian sebagai frontliners demi menjaga imej dan reputasi HASiL di mata orang awam.



Urus Setia Simposium CCO 2022



Simbolik perasmian Simposium CCO 2022 disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Sotimin Muhalip diiringi Encik Hishamudin Mohamed dan Encik Nor 'Azam Sulaiman



Sebahagian daripada peserta Simposium CCO 2022



Sebahagian daripada peserta Simposium CCO 2022



YBhg. Datuk Dr. Sotimin Muhalip bersama-sama peserta Simposium CCO 2022


LHDN
MALAYSIA
TAKBIR RAYA


LHDN
MALAYSIA
TAKBIR RAYA





PROGRAM RAKAMAN VIDEO TAKBIR RAYA HASiL 2022

Oleh: **Asmaniza Abdullah, PERKIS**

Buat pertama kalinya, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melaksanakan program rakaman raya LHDNM dengan kerjasama pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program Rakaman Takbir Raya telah diadakan pada 29 Mac 2022 bertempat di Dewan Bangsawan, Menara Hasil, Cyberjaya.

Objektif pelaksanaan program ialah memberi imej organisasi LHDNM yang baik kepada orang ramai di samping merapatkan Keluarga HASiL dengan masyarakat di negara ini. Oleh yang demikian, pelaksanaan program ini telah disarankan oleh Pengurusan Tertinggi untuk dijadikan secara acara tahunan LHDNM.

Majlis ini merupakan acara julung kali yang diadakan bertujuan untuk mengagungkan dan membesarkan Allah SWT sebagai tanda kesyukuran Hasilian ke hadrat Ilahi kerana berjaya menunaikan Rukun Islam Ke-3 iaitu berpuasa di bulan Ramadhan yang penuh barakah. Program yang merupakan anjuran bersama Persatuan Kebajikan Islam Hasil Dalam Negeri Malaysia (PERKIS) dan Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah disempurnakan dengan kehadiran YBhg. Datuk Mohd Jaafar bin Embong, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar), YBhg. Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), Pengarah Jabatan dan Pengarah Cawangan sebagai tetamu kehormat.


Program yang bermula pada jam 11:00 pagi ini bagi tujuan raptai. Program rakaman bermula pada jam 2.00 petang telah berjalan dengan lancar dan berakhir pada jam 5:00 petang. Diharapkan program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa hadapan dan semoga program yang telah diadakan dirahmati dan diberkati oleh Allah S.W.T.





PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN: HASiL QURAN HOUR 2022

Oleh: **MUHD RASIDY BIN MD KAMIL, PERKIS**



Program Pembudayaan Al-Quran: HASiL Quran Hour 2022 anjuran bersama Persatuan Kebajikan Islam LHDNM (PERKIS) dengan kerjasama Jabatan Khidmat Korporat dan Yayasan Warisan Ummah Ikhlas selaku rakan strategik Program Quran Hour telah dijalankan pada 20 April 2022 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Program ini merupakan salah satu program rasmi Ihya' Ramadan LHDNM yang dianjurkan pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Matlamat penganjuran Program HASiL Quran Hour adalah untuk menggalakkan proses Interaksi, Baca, Faham dan Amal dengan al-Quran. Ia juga merupakan usaha bagi menggarap nilai-nilai mulia yang dihayati daripada surah-surah dalam al-Quran dalam melahirkan legasi akhlak untuk membangunkan masyarakat yang berbudi dan penyayang.

Program yang telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) HASiL menyaksikan penyertaan seramai 750 orang yang terdiri daripada HASiLian dan pesara-pesara HASiL. Edisi ini mencatatkan jumlah peserta tertinggi sejak ia diadakan bermula tahun 2018 yang lalu.

Antara pengisian Program HASiL Quran Hour ini adalah bacaan tadarus al-Quran oleh kesemua peserta yang hadir disusuli dengan majlis khatam al-Quran yang dipimpin oleh Ustaz Hj. Jeffri bin Bujang, bacaan Surah As-Sajdah oleh tujuh orang qari secara bergilir-gilir dan diikuti dengan sesi tadabbur (memahami ayat al-Quran). Majlis diteruskan dengan sesi tazakkur (mengambil pengajaran) dan tazkirah ringkas dengan tajuk "Bahagia itu Menginsafkan?" oleh Ustaz Mohammad Rozie bin Mohd Rejab. Program ini diakhiri dengan edaran bubur lambuk kepada para peserta dan individu yang menunaikan solat Zuhur di Masjid Wilayah.


PENDAFTARAN
MUSLIMIN









SESI LIBAT URUS HASiL DAN AGENSI

Oleh: **Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat**

Sesi libat urus HASiL dengan agensi-agensi yang terdiri daripada pelbagai sektor dan industri diadakan bertujuan memberikan penerangan serta penjelasan berhubung hala tuju dan aspirasi HASiL dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai. Ia juga merupakan platform untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pemain industri serta pihak terlibat tentang perkara-perkara berkaitan percukaian, termasuk isu-isu yang biasa dihadapi serta cadangan penyelesaian yang akan memudahkan kedua-dua belah pihak.

East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)

Tarikh : 8 Februari 2022
Tempat : Menara PJH, Precint 2, Putrajaya.

Malaysian Automotive Association (MAA)

Tarikh : 23 Mac 2022
Tempat : Virtual Meeting

Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)

Tarikh : 4 April 2022
Tempat : Wisma FMM, Bandar Sri Damansara

Real Estate & Housing Developers Association Malaysia (REHDA)

Tarikh : 6 April 2022
Tempat : Virtual Meeting

AMBANG JUMLAH PENDAPATAN INDIVIDU TIDAK DIKENAKAN CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2021

INCOME THRESHOLD NOT SUBJECT TO TAX FOR YEAR OF ASSESSMENT 2021



DIRI SENDIRI *SELF/ SINGLE*

RM 37,333 setahun/*annually*
RM 3,111 sebulan/*monthly*

TAKSIRAN BERASINGAN / *SEPARATE ASSESSMENT*



BERKAHWIN + 1 ANAK
MARRIED + 1 CHILD
RM 39,333 setahun/*annually*
RM 3,278 sebulan/*monthly*



BERKAHWIN + 2 ANAK
MARRIED + 2 CHILDREN
RM 41,333 setahun/*annually*
RM 3,444 sebulan/*monthly*

TAKSIRAN BERSAMA / *JOINT ASSESSMENT*



BERKAHWIN + 0 ANAK
MARRIED + 0 CHILD
RM 48,000 setahun/*annually*
RM 4,000 sebulan/*monthly*

BERKAHWIN + 1 ANAK
MARRIED + 1 CHILD
RM 50,000 setahun/*annually*
RM 4,167 sebulan/*monthly*

BERKAHWIN + 2 ANAK
MARRIED + 2 CHILDREN
RM 52,000 setahun/*annually*
RM 4,333 sebulan/*monthly*

REBAT CUKAI / *TAX REBATE*

INDIVIDU DENGAN PENDAPATAN BERCUKAI TIDAK MELEBIHI RM 35,000 DIBERIKAN REBAT SENDIRI (RM 400) BAGI TAKSIRAN DIRI SENDIRI / BUJANG DAN TAKSIRAN BERASINGAN, ATAU REBAT SENDIRI (RM 400) DAN REBAT SUAMI / ISTERI (RM 400) BAGI PILIHAN TAKSIRAN BERSAMA

INDIVIDUAL WITH TAXABLE INCOME NOT EXCEEDING RM 35,000 WILL BE GIVEN REBATE (RM 400) FOR SELF-ASSESSMENT / SINGLE AND SEPARATE ASSESSMENT, OR REBATE (RM 400) AND HUSBAND / WIFE REBATE (RM 400) FOR JOINT ASSESSMENT OPTIONS

JABATAN KHIDMAT KORPORAT LHDN MALAYSIA CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my
For further information, please visit www.hasil.gov.my

Penafian : Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan
Disclaimer : This article is published for general information only. It does not contain final advice or complete information pertaining to a particular topic and should not be used as a legal reference

TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU

Oleh: **Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat**

Setiap individu yang layak dikenakan cukai perlu melaporkan kesemua pendapatan yang diterima kepada LHDNM. Pendapatan yang diterima sama ada melalui penggajian, profesion, perniagaan mahupun punca selain daripada yang dinyatakan. Ini bertepatan dengan peruntukan Seksyen 4 Akta Cukai Pendapatan 1967.

TIGA (3) PERKARA ASAS BAGI PERCUKAIAN INDIVIDU ADALAH:

A) Daftar Nombor Cukai Pendapatan / Kemaskini Maklumat

SIAPA PERLU MENDAFTAR?

- Individu Berstatus Bujang Yang Menerima Pendapatan Penggajian Melebihi Rm34,001 Setahun (Selepas Potongan Kwsp)
- Individu Berkahwin Dan Pasangan Tidak Bekerja Yang Menerima Pendapatan Penggajian Melebihi Rm46,001 Setahun
- Individu Yang Menjalankan Perniagaan (Walaupun Perniagaan Mengalami Kerugian)
- Pekerja Baharu Yang Dikenakan Potongan Cukai Bulanan (Pcb)
- Individu Yang Mempunyai Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai
- Individu Yang Menjual/membeli Hartanah

BAGAIMANA CARA MENDAFTAR?

- Dalam talian (online) melalui e-Daftar di https://mytax.hasil.gov.my; atau
- Secara manual di cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) yang berdekatan

BAGAIMANA CARA KEMAS KINI MAKLUMAT DENGAN LHDNM?

- Dalam talian (online) melalui e-Kemaskini di https://mytax.hasil.gov.my;
- Borang Maklum Balas Pelanggan HASiL di https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/; atau
- Secara manual di cawangan HASiL yang berdekatan.

B) Lapor Pendapatan Tahunan

Apakah jenis borang yang perlu digunakan?
Pelaporan perlu menggunakan Borang Nyata berikut:
Individu **tidak menjalankan perniagaan :**

i) **Borang BE**-Pendapatan Penggajian dan Pendapatan Lain (Tidak Menjalankan Perniagaan) Bagi Individu Pemastautin
ii) **Borang M**-Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Lain Bagi Individu Tidak Pemastautin
iii) **Borang BT**-Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Lain (Pekerja Berpengetahuan/Pekerja Berkepakaran) Bagi Individu Pemastautin
iv) **Borang MT**-Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Lain (Pekerja Berpengetahuan) Bagi Individu Tidak Pemastautin

Individu **menjalankan perniagaan :**

i) **Borang B**-Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Lain Bagi Individu Pemastautin
ii) **Borang M**-Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Lain Bagi Individu Tidak Pemastautin
iii) **Borang BT**-Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Lain (Pekerja Berpengetahuan/Pekerja Berkepakaran) Bagi Individu Pemastautin
iv) **Borang MT**-Pendapatan Perniagaan, Penggajian dan Pendapatan Lain (Pekerja Berpengetahuan) Bagi Individu Tidak Pemastautin

Bagaimana cara lapor pendapatan?

i) Dalam talian (online) melalui e-Filing di **https://mytax.hasil.gov.my.**
ii) Secara manual (borang kertas) dan perlu dihantar ke Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat HASiL

Bilakah tarikh akhir hantar Borang Nyata?

i) Individu **tidak menjalankan perniagaan** : sebelum atau pada 30 April
ii) Individu **menjalankan perniagaan** : sebelum atau pada 30 Jun

**Tambahan masa bagi penghantaran secara e-Filing adalah mengikut ketetapan yang dikeluarkan dalam Program Memfail Borang Nyata setiap tahun*



C) Bayar Cukai Pendapatan

Bagaimana cara membuat bayaran?

i) Dalam talian (online) melalui ByrHasil di **https://mytax.hasil.gov.my.**
ii) Melalui ejen-ejen kutipan HASiL
iii) Pusat Bayaran HASiL Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu

Bilakah tarikh akhir bayaran cukai individu?

i) Individu **tidak menjalankan perniagaan** : sebelum atau pada 30 April
ii) Individu **menjalankan perniagaan** : sebelum atau pada 30 Jun



Tahniah

PASUKAN HASIL

NAIB JOHAN KESELURUHAN JORAN KEWANGAN 2022 BAGI KATEGORI AGENSI

Johan Kategori Terbuka:
Mohd Hafizzan Bin Abdullah (Cawangan Wangsa Maju)

Tempat Ke-9 Kategori Terbuka:
Mohd Najib Bin Ariffin (Cawangan Bangi)

Tempat Ke-12 Kategori Terbuka:
Mohd Jihadi Bin Md Radzi (CSi Putrajaya)

Tempat Ke-25 Kategori Terbuka:
Juhairul Bin Abdul Jalil (Cawangan Wangsa Maju)

Tempat Ke-4 Kategori VIP:
Syarein Bin Abu Samah (Cawangan Tidak Bermastautin)

Tempat Ke-3 Kategori Khas:
Mohd Affendi Bin Salha (Jabatan Operasi Cukai)

Program telah berlangsung di Sea Lion Fishing Park, Pelabuhan Klang pada 26 Februari 2022







LIZZIE VELÁSQUEZ : "How Do You Define Yourself?"

Susunan : **Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat**



Elizabeth Ann "Lizzie" Velásquez is an American motivational speaker, author, anti-bullying activist, and a social media personality. Born with a rare medical condition called Marfanoid–progeroid–lipodystrophy syndrome which prevents her from gaining fat, Lizzie grew up looking considerably different from the other children. She was bullied a lot due to her appearance, and the fact that she is vision-impaired only added to the challenges she faced.

Despite having a difficult childhood and adolescence due to the constant bullying, she emerged to be an emotionally strong woman thanks to the unconditional support of her family. She eventually became a motivational speaker and is an outspoken anti-bullying activist. She gained much prominence following a TEDxAustinWomen Talk titled "How Do YOU Define Yourself" which she gave in 2014.

The video of her talk has since earned millions of views. In 2015, she hosted a social media challenge for Bystander Revolution's Month of Action to mark the National Bullying Prevention Month. She is an icon for the anti-bullying movement and her story has been featured on various publications and websites like 'The View,' 'The Today Show,' 'Associated Press,' 'Huffington Post,' MSN, AOL, and Yahoo! among others.

Lizzie Velásquez was born on March 13, 1989 in Austin, Texas, U.S. to parents Rita and Guadalupe Velásquez. Born four weeks prematurely, she was quite weak at birth, weighing just over a kilo. She has two younger siblings, Marina and Chris.

Lizzie Velásquez was constantly bullied throughout her school days owing to her appearance. When she was a teenager, she came across a video on YouTube which featured an unauthorized photograph of her with the caption the "World's Ugliest Woman." The year was 2006 and Lizzie was just 17 years old at that time. Watching the video shattered her self-confidence and she couldn't stop crying for a long time. This incident inspired her to become a motivational speaker.

In February 2008, she created her self-titled YouTube channel in which she started posting videos promoting the anti-bullying message. With time her videos became quite popular and she received encouraging comments from the viewers who also shared their own stories of being bullied with her. On realizing that she had the power to positively impact the lives of others, she decided to become a motivational speaker.

In order to pursue her dream, she went to Texas State University and majored in communication studies. As a victim of cyber-bulling herself, she was able to connect easily with the other victims of bullying and was soon able to establish herself as a much sought-after motivational speaker. In January 2014, she gave a TEDxAustinWomen Talk titled "How Do YOU Define Yourself" which went viral and made her famous all over the globe. Already a well-

known YouTuber by now, she gained even more prominence which motivated her to do more for the anti-bullying cause.

Following the success of her TEDxAustinWomen Talk, Lizzie was contacted by producer Sara Hirsh Bordo to work on a documentary on her life. Lizzie agreed to serve as an Executive Producer of the documentary called 'A BRAVE HEART: The Lizzie Velasquez Story' which followed the journey of her life from being a victim of bullying to an anti-bullying crusader. The critically acclaimed film received an Academy-qualifying release in the U.S in 2015.

Lizzie Velásquez is also an author, with the books 'Lizzie Beautiful: The Lizzie Velásquez Story' (2010), 'Be Beautiful, Be You' (2012), and 'Choosing Happiness' (2014) to her credit. Her latest book, 'Dare to Be Kind: How Extraordinary Compassion Can Transform Our World' was released in 2017. Recently she also began starring on the new show 'Unzipped' which is available via the Fullscreen app.

Source : https://www.thefamouspeople.com/profiles/lizzie-velsquez-16132.php.







PROGRAM BACK TO SCHOOL 2022

Oleh: **: Ermy Fazliena Binti Abdullah, PERKIS**

Persatuan Kebajikan Islam Hasil Dalam Negeri Malaysia (PERKIS) Menara Hasil Bangi telah melancarkan kempen Tabung Sumbangan Dana Back To School 2022 pada 1 Mac 2022. Projek ini merupakan inisiatif Sekretariat Dakwah Korporat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diselaraskan oleh syarikat Synergi Ilmu Resources Sdn Bhd.

Program ini bertujuan mengumpul dana bagi membantu pelajar sekolah dari daerah Hulu Langat dan Gombak yang terjejas teruk akibat bencana banjir. Program ini turut mendapat kerjasama pelbagai syarikat korporat iaitu Tabung Haji, Yayasan Taqwa MAIWP, PETRONAS, Bank Simpanan Nasional dan CELCOM.

Sehingga 25 Mac 2022, PERKIS telah berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM49,370 hasil sumbangan HASILIAN dari seluruh Malaysia. Sumbangan terkumpul adalah sebanyak RM200,000 hasil sumbangan. Dana ini telah memanfaatkan 1,100 orang pelajar dari daerah Hulu Langat dan Gombak yang terdiri daripada keluarga asnaf dan B40. Bantuan sumbangan yang diterima adalah berupa set pakaian seragam dan beg sekolah serta telefon pintar tajaan CELCOM.

Pada 28 Mac 2022, majlis simbolik penyerahan bantuan telah diadakan di Dewan Al-Khawarizmi Menara Hasil Bangi dan dirasmikan oleh Encik Kamarul Zaman Yaacub, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM. Seramai lima orang wakil murid daripada empat buah sekolah menengah telah dijemput bagi simbolik penyerahan bantuan ini. Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Sg Pusu, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Keramat, Sekolah Menengah Kebangsaan Dusun Nanding dan Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari.

Antara yang hadir pada majlis ini adalah wakil syarikat Synergi Ilmu Resources Sdn Bhd yang bertanggungjawab menguruskan pembelian bantuan persekolahan dan wakil guru sekolah yang terlibat.

Manakala simbolik penyerahan bantuan di peringkat JAKIM di Putrajaya telah diadakan lebih awal iaitu pada 16 Mac 2022. Program ini telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Hj Idris Hj Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan turut dihadiri oleh Puan Wan Ramiza binti Wan



Antara barangan sumbangan kepada penerima



Sesi penyerahan sumbangan kepada lima buah sekolah sekitar Hulu Langat

Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (Pengurusan) yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

Majlis simbolik penyerahan sumbangan di peringkat JAKIM ini turut mendapat liputan akhbar Utusan Malaysia dan Harakah Daily keluaran 16 Mac 2022.

Keseluruhan penyerahan set pakaian dan beg sekolah telah berjaya dilaksanakan pada 31 Mac 2022 di Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat dan Pejabat Pendidikan Daerah Gombak.



Sesi penyerahan sumbangan kepada lima buah sekolah sekitar Hulu Langat

RANGKUMAN AKTIVITI CSR HASiL

Susunan : **Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat**

PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) BOOK CHARITY FOR NEEDY : 5,973 BUKU SUMBANGAN KELUARGA HASIL



YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Anggerik (kiri) menerima sumbangan bahan bacaan daripada Encik Fuad bin Salihin @ Md. Ayob, Timbalan Pengarah Jabatan Logistik Korporat HASiL

TARIKH : 16 Februari 2022
ANJURAN : Pusat Sumber HASiL, Jabatan Logistik Korporat
PENERIMA : Perpustakaan Mini Pusat Komuniti Masyarakat Kota Anggerik

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI HASIL : SUMBANGAN KEWANGAN, PEMBAIKAN BALAI RAYA DAN PERALATAN SUKAN KEPADA PENDUDUK KAMPUNG BANGI, HULU LANGAT



YBhg. Dato' Adenan Che Semail, Pengarah Jabatan Siasatan yang mewakili YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bersama Encik Hishamudin bin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat, Encik Rashidin bin Md. Yusoff dan para penerima sumbangan serta pegawai-pegawai HASiL dalam Program Khidmat Komuniti HASiL

TARIKH : 24 Februari 2022
PENERIMA : Penduduk Kampung Bangi, Hulu Langat, Selangor

PROGRAM SAHABAT HASIL DAN CSR: SUMBANGAN SCREEN PROJECTOR, WANG TUNAI DAN BAHAN BACAAN



Tuan Haji Mohamad Zain bin Mohd Said, Pengarah Negeri WPKL, menyerahkan screen projector kepada Encik Kamarudin bin Kudong, Pengetua Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman.


TARIKH : 15 Mac 2022
ANJURAN : PPN WPKL dan Srikandi KL
PENERIMA : Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Batu Arang, Selangor

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL HASIL: SUMBANGAN 2,401 RIM KERTAS A4 KEPADA 10 SEKOLAH



Sesi penyerahan sumbangan kertas A4 kepada Sekolah Kebangsaan Tanjung Sepat, Selangor

TARIKH : 15 Mac 2022
ANJURAN : 10 buah sekolah di Negeri Selangor
PENERIMA : Pusat Sumber HASiL, Jabatan Logistik Korporat


WASPADA
DENGAN
SCAMMERS
- LHDNM TIDAK MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT
- LHDNM TIDAK AKAN MENYAMBUNGKAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN
BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA
www.hasil.gov.my
facebook.com/LHDNM
@LHDNMofficial
03-8911 1000
JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

5 INSPIRING LESSONS IN LEADERSHIP FROM SIMON SINEK

Oleh: **Keith Gutierrez, Inbound Professional and Certified HubSpot Trainer, Manage Inbound**

Simon Oliver Sinek is a British-American author and inspirational speaker. In his 2009 TEDx Talk in Puget Sound, WA, Sinek provides examples from the success of Apple Inc., the movement started by Dr. Martin Luther King Jr. as well as the Wright brothers being the first to achieve powered-man flight. In each situation, they seem to defy all the odds and prevail with their cause.

Sinek made a discovery in 2005 that profoundly changed his view on how he thought the world worked and the way in which he operates in it. This discovery was the uncovering of a pattern in which all the great leaders would think, act and communicate. It's opposite of everyone else.

In 2011, Sinek released his book "START WITH WHY". The book explores, "How great leaders inspire everyone to take action." This inspired me to write "Start with Why - Create a Triangle of Trust Through Transparency." It explains how you can use Sinek's "Golden Circle" to build a Triangle of Trust for your company, organization or group.


WHAT MAKES A GREAT LEADER

Sinek did a TED Talk on **"Why good leaders make you feel safe."** This talk suggests that it's someone who makes their team members feel secure and draws them into their circle to trust. In his most recent TED talk, he authored **"Leaders Eat Last"** which explains **"Why Some Teams Pull Together and Others Don't."**

Sinek provides us inspiration to **"START WITH WHY."**

To grow our leadership skills, it doesn't matter what your role may be within your organization. We all have the opportunity to learn from these lessons in leadership.

5 INSPIRING LEADERSHIP LESSONS FROM SIMON SINEK



Sinek's Golden Circle

1. START WITH WHY

Simon Sinek points out that everyone in an organization knows **"WHAT" it is that they do.** Some know **"HOW" they do it**. But, very few know **"WHY" they do what it is that they do.** He points out that the reason can't be to make a profit. That's a result, and it will always be a result, of providing something of value.

By "why" means: What's **your purpose?** What's **your cause?** What's **your belief?** Why does your organization exist? Why do you get out of the bed in the morning and why should anyone care?

Sinek points out some great leadership success stories examples. I don't believe that any of these leaders **were looking for their "WHY."** Instead, I believe that something happened in their lives that caused an emotional reaction. That reaction **naturally instilled their driving purpose.** This is the **most powerful "WHY" a person can have.** It's also important to note that none of these leaders set out to "be first," instead they set out to serve others.

I'm not an expert on the bible; but **the master teacher said,** *"But it shall not be so among you. Rather, whoever wishes to be great among you shall be your servant; whoever wishes to be first among you shall be your slave. Just so, the Son of Man did not come to be served but to serve and give his life as a ransom for many."* - Matthew 20:26-28.

The verse speaks to the failure of Samuel Pierpoint Langley. Who set out to be the first to achieve powered-man flight, which Sinek points out in his 2009 TED Talk.

Unfortunately, most of us are not so lucky when it comes to understanding our "WHY." Although it is a simple concept, it's derived by looking back on past personal experiences.

"Every company, organization or group with the ability to inspire starts with a person or small group of people who were inspired to do something bigger than themselves." - Simon Sinek

We live by many beliefs on a daily basis. These can also be limiting beliefs that cause us to fall into the working-for-work's sake trap of the 40-hour work week.

TO FIND YOUR "WHY" I WOULD RECOMMEND THAT YOU SET GOALS BALANCED AROUND THE THREE MOST IMPORTANT AREAS OF YOUR LIFE:

ESTABLISH CLEAR PERSONAL, FAMILY, AND HEALTH GOALS. THESE ARE YOUR "WHY" GOALS.

DETERMINE YOUR PERSONAL PROFESSIONAL DEVELOPMENT GOALS. THESE ARE YOUR "HOW" GOALS

SET YOUR BUSINESS, CAREER, AND FINANCIAL GOALS. THESE ARE YOUR "WHAT" GOALS.

2. HAVE CLARITY, DISCIPLINE AND CONSISTENCY

Clarity of WHY - If you don't know WHY you do WHAT you do, how will anyone else? Having **clarity** is what enables great leaders to articulate "WHY" their organization. It exists beyond its products and services. First to their employees, and then to their customers. To lead requires those who willingly follow. It requires being a part of something bigger than oneself. To inspire others to follow starts with having clarity of WHY.

"People don't buy "what" you do, they buy "why" you do it" - Simon Sinek

Discipline of HOW - Have clarity in WHY will lead you to the question of HOW will you do it? How you do things are your values or principles that bring your cause to life. Finding your "WHY" is simple, compared to having the discipline necessary to never veer from your cause. To be accountable to HOW you do things is the most difficult part.

"For values or guiding principles to be truly effective, they have to be verbs." - Simon Sinek

Sinek points out that it's not "integrity", it's "always do the right thing." It's not "innovation," it's "look at the problem from a different angle."

The discipline of "HOW" hinges on having the discipline to stay focused on the "WHY" (what you believe) to remain true to your values.

Consistency of WHAT - Everything you do and say, must prove what you believe. Your "WHAT" is the result of your beliefs and the actions you take to realize the belief. It's everything you say or do; your products, services, marketing, PR, culture, and the people you hire.

"If you're not consistent in the things you say and do, no one will know what you believe." - Simon Sinek

3. LEADERS NEED A FOLLOWING

Being a leader requires having people that choose to follow you. Trust must be established before anyone will make the decision to follow you. Trust doesn't emerge simply because a customer makes a decision to buy something. Trust is not a checklist. Fulfilling all your responsibilities does not create trust.

Trust is a feeling that begins to emerge when we have a sense that another person or organization is driven by things other than their own self-gain. You must earn trust by communicating and demonstrating that you share the same values and beliefs.

This leads us to the heretical belief of Herb Kelleher - Founder and former CEO of Southwest Airlines. It's the company's responsibility to look after your employees first. Happy employees ensure happy customers. Happy customers ensure happy shareholders - in that order.

4. COMMUNICATION ISN'T ABOUT SPEAKING, IT'S ABOUT LISTENING

Most companies have logos, but few have been able to convert those logos into meaningful symbols. Most companies are bad at communicating what they believe, their "WHY." Without clarity of "WHY," a logo is nothing more than just that. To say that a logo stands for quality, service, innovation and the like only reinforce its status as just a logo. These qualities are about the company and not about the cause.

For a logo to become a symbol, people must be inspired to use that logo to say something about who they are. In his book, "START WITH WHY" Sinek shares the profound example of Harley Davidson.

There are people who walk around with Harley-Davidson tattoos on their bodies - and some of them don't even own the product! Why would a rational person tattoo a corporate logo on their bodies? Harley Davidson has been crystal clear about what they believe. After years of discipline about their "WHY" and being consistent in everything they say or do, their logo has become a symbol. It no longer identifies a company and it's products; it identifies a belief.

"It's not just WHAT or HOW you do things that matters; what matters more is that WHAT and HOW you do things is consistent with your WHY."
- Simon Sinek

Sinek share a simple metaphor called the "Celery Test" that you can apply to find out exactly WHAT and HOW is right for you.

5. SERVING THOSE THAT SERVE OTHERS

Being a great leader is like being a parent. Just as we provide our children opportunity — to build self-confidence, education and discipline when necessary all so that they can achieve more that we can imagine.

Leadership is not a rank. While there are people that have authority, that does not make them a leader. There are people who have no authority, but they themselves are leaders.

We call them leaders because:

- They go first, they take the risk before anyone else does.
- They choose to sacrifice so that their people may be safe, protected and so that they may gain.

When they do, the response is incredible. Their people will sacrifice for them, give them their blood, sweat and tears to see that their leaders vision comes to life. When they are asked "WHY" the response is always the same; "Because they would have done it for me.- Isn't that the type of organization we all would like to work for? That's the question Simon Sinek leaves us in his remarkable TED Talk, "Why Good Leaders Make You Feel Safe" shown below:

Simon Sinek leaves us with some very valuable lessons to improve ourselves personally and professionally.

BERTUAHNYA RAKYAT MALAYSIA

Oleh: **Mohd Rozaimy Ridzuan**

Sesebuah negara dikatakan kuat dan memiliki kelebihan sekiranya jumlah penduduknya adalah ramai. Namun, perkara ini hanya benar-benar berlaku sekiranya kerajaan di sesebuah negara tersebut bijak mengeksploitasikan rakyatnya dengan cara yang betul dan sah.

Lihat saja negara China di mana penduduknya melebihi 1.4 bilion, lantas memiliki saiz pasaran yang begitu besar dan mampu mengeluarkan hasil barangan yang secara relatifnya murah.

Tun Dr Mahathir Mohamad pernah memperkenalkan Dasar Kependudukan Negara pada pertengahan 1980-an dengan harapan Malaysia mencapai 70 juta penduduk pada tahun 2100. Dasar yang digubal ini diharapkan akan melahirkan penduduk yang bukan saja besar dari segi saiznya, malah penduduk yang memiliki sifat rajin, produktif dan berintegriti.

Bukan saja di Malaysia, malah negara seperti Jepun, Sepanyol, Jerman dan Norway juga menggalakkan penduduknya untuk menambahkan bilangan ahli keluarga di mana kerajaan mereka memberikan pelbagai bentuk insentif. Di Jepun, salah satu faktor menyumbang kepada kepesatan pertumbuhan ekonominya adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah kelahiran selepas perang, iaitu daripada 72 juta orang pada tahun 1945 kepada 117 juta pada tahun 1980. Di sana, ibu bapa menerima 5,000 yen/AS$50 sebulan bagi setiap anak yang dilahirkan.

Di Malaysia, terdapat pelbagai insentif diberikan Kerajaan Malaysia demi memastikan objektif dasar tersebut tercapai. Antaranya program perkahwinan secara beramai-ramai, paternity leave dinaikkan daripada tiga hari kepada tujuh hari bermula tahun 2003, pengurangan hari bekerja daripada enam hari kepada lima hari berkuat kuasa Julai 2005 dan banyak lagi. Selain daripada memastikan jumlah penduduk meningkat, kerajaan juga perlu memastikan bahawa kadar kematian penduduk berkurangan.

Dalam sektor kesihatan, Kementerian Kesihatan membuat persediaan awal dengan mengambil kira jumlah pusat kesihatan yang harus ditambah di kawasan luar bandar, menambah jumlah doktor dan jururawat terlatih, menyediakan ubat-ubatan yang mencukupi dan sebagainya. Tidak hairanlah mengapa kerajaan begitu menitikberatkan kesihatan rakyat Malaysia, terutama sekali kesihatan ibu dan anak.

Bertuahnya rakyat Malaysia kerana memiliki sebuah kerajaan yang bukan saja menitikberatkan kesihatan ibu dan bayi sebelum proses kelahiran bayi (antennal care), malah kerajaan juga begitu mengambil berat berkaitan hal penjagaan kesihatan ibu selepas bersalin (postnatal care). Antennal care merupakan pemeriksaan kesihatan berkala sebaik sahaja ibu disahkan hamil untuk memantau keadaan ibu dan janin. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk pemeriksaan berat dan tekanan darah ibu, ujian air kencing untuk memeriksa kandungan protein dan glukos, kedudukan janin, kadar degupan jantung janin dan sebagainya.

Selain itu, ibu dan pasangan (suami) juga perlu menjalankan ujian HIV untuk mengenal pasti jangkitan di peringkat awal kehamilan supaya rawatan HIV kepada ibu boleh dilakukan dengan kadar segera.

Postnatal care pula bermaksud penjagaan ibu selepas kelahiran sehingga alat kelamin dan rahim kembali normal. Suami atau waris ibu perlu memaklumkan kepada jururawat di klinik terdekat mengikut alamat rumah ibu sebaik-baiknya dalam masa 24 jam selepas kelahiran bayi. Jururawat akan datang ke rumah mengikut piawai jadual lawatan yang ditetapkan. Semasa lawatan ke rumah, jururawat akan memeriksa ibu dan bayi mengikut prosedur ditetapkan.

Antara jenis pemeriksaan kesihatan yang dilakukan terhadap ibu merangkumi pemeriksaan luka pembedahan, pemeriksaan suhu badan, pernafasan, tekanan darah dan denyutan nadi ibu. Selain itu, jururawat yang melawat ibu juga akan melakukan pemerhatian dan rundingan kepada ibu mengenai cara penyusuan ibu yang betul. Sekiranya terdapat sebarang masalah, ibu diminta untuk pergi ke klinik ataupun hospital untuk mendapat rawatan lanjut. Ibu yang berisiko seperti menghidapi darah tinggi, kencing manis, sakit jantung dan sebagainya memerlukan jagaan perawatan postnatal yang lebih kerap mengikut keperluan supaya rujukan segera dapat dibuat ke klinik atau hospital.

Selain itu, bayi yang baru lahir itu juga akan diperiksa dari segi berat badan, suhu, mata, kulit, pusat dan jaundice (kuning). Jaundice mudah dirawat, tetapi jika tahap jaundice tinggi boleh membawa komplikasi buruk seperti gangguan otak, masalah pembelajaran dan membahayakan nyawa bayi itu sendiri.

Oleh disebabkan itu, selalunya jururawat yang datang melawat akan memastikan bahawa teknik penyusuan ibu adalah betul demi memastikan bayi tersebut bebas daripada jaundice.


Ternyata, nikmat apakah yang ingin didustakan sehinggakan kedua-dua perkhidmatan penjagaan antennal dan postnatal ini diberikan secara percuma kepada warganegara Malaysia? Jadi, sama-samalah kita menghargai penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik buat rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia pula, sama-samalah kita memainkan peranan agar objektif Dasar Kependudukan Negara ini tercapai.

Malaysia Boleh!


Sumber : https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/03/555013/bertuahnya-rakyat-malaysia

ISTILAH PERCUKAIAN

BIL	ISTILAH	MAKSUD
1	Sekatan perjalanan	Sekatan perjalanan dikenakan ke atas individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau cukai syarikat. Pelepasan sekatan boleh dibuat di cawangan HASiL sekiranya bayaran tunggakan tersebut telah dijelaskan. Ia tertakluk di bawah Seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan 1967
2	Bayaran Alimoni	Suatu bayaran saraan daripada suami kepada isteri dalam masa kedua-duanya sudah bercerai atau sudah berpisah tetapi belum ber¬cerai secara sah (atas perintah mahkamah).
3	Orang Kurang Upaya (OKU)	Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. (Akta Orang Kurang Upaya 2008)
4	Tahun Taksiran	Tahun kalendar
5	Wasi	Pentadbir atau orang lain yang mentadbir atau mengurus harta pusaka seseorang yang telah meninggal dunia


MAKLUM BALAS PELANGGAN
Pertanyaan?
Penghargaan?
Cadangan? Aduan?
Jom ke borang maklum balas pelanggan di :
https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/
www.hasil.gov.my
facebook.com/LHDNM
@LHDNMofficial
03-8911 1000
JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT


LHDN
MALAYSIA
Untuk maklumat terkini,
jangan lupa ikuti
kami di
LHDNM
LHDNMofficial
LHDNM
LHDNTube
www.hasil.gov.my
facebook.com/LHDNM
@LHDNMofficial
03-8911 1000
JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT


Sistem e-TT
mulai 1 April 2022
Jenis bayaran cukai pendapatan yang terlibat bagi Sistem e-TT:
1. Cukai Pendapatan
2. Cukai Pendapatan (Petroleum)
3. Kompaun
4. Penghibur Awam
5. Cukai Pegangan
6. CKHT - Pegangan cukai 3% oleh pemeroleh (Seksyen 21B)
Layari https://mytax.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut
www.hasil.gov.my
facebook.com/LHDNM
@LHDNMofficial
03-8911 1000
JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

LHDN MALAYSIA

CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
Income Tax Payment For Individual

CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT
Income Tax Payment For Company

CUKAI PENDAPATAN MAJIKAN
Income Tax Payment For Employer

CUKAI PENDAPATAN & ANDA
Income Tax & You

PENDAPATAN PERNIAGAAN INDIVIDU
Individual Business Income

EKONOMI DIGITAL
Digital Economy

PENAMATAN PERKHIDMATAN
Termination Of Service

DUTI SETEM
Stamp Duty

E-DAFTAR
e-Daftar

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN
Responsibility Of Employer

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH
Real Property Gains Tax

CUKAI KORPORAT
Corporate Tax

CUKAI KOPERASI
Cooperative Tax

SEKATAN PERJALANAN
Stoppage Order

SISTEM E-CP39
e-CP39 System

SEKSYEN 44(6)
Section 44(6)

SCAN ME!
www.hasil.gov.my

Physical Space *to* Digital Space

/LHDNM /LHDNMofficial /LHDNM /LhdnTube 03-8911 1000